

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan statistik terkini rampasan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Apakah rampasan tertinggi yang pernah dilakukan dan apakah yang dilakukan MAQIS terhadap setiap rampasan tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dipertanggungjawabkan untuk mengawal biosekuriti bagi mana-mana pengimportan dan pengeksportan yang melibatkan komoditi hasil pertanian seperti tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma. Pemerkasaan dan peningkatan pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa menjadi keutamaan MAQIS melalui aktiviti pemeriksaan menyeluruh, prosedur persampelan bagi komoditi berisiko, dan pelaksanaan aktiviti kuarantin haiwan hidup dan hasil pertanian bagi memastikan ianya adalah bebas daripada sebarang penyakit berbahaya dan serangga perosak.

Berdasarkan data terkini sehingga 30 September 2021, MAQIS dengan kerjasama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta Bahagian Kawalan Keselamatan Makanan (BKMM), Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengendalikan sebanyak 248 kes ketidakpatuhan terhadap Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [*Akta 728*]. Jumlah rampasan yang telah dibuat bagi komoditi pertanian dan agromakanan adalah sebanyak 304 ribu kilogram bernilai RM6.55 juta. Kes rampasan yang telah disabitkan kesalahan di bawah Akta 728 boleh dikenakan hukuman maksimum denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi satu ratus lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Rampasan tertinggi oleh MAQIS merupakan kes pengimportan produk ayam sejuk beku dari negara China dengan nilai dagangan berjumlah RM247 ribu dengan keberatan 27 ribu kilogram. Melalui prosedur pemeriksaan fizikal dan persampelan produk yang

## **SOALAN NO : 17**

dilaksanakan di pintu masuk seterusnya ujian makmal oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, keputusan sampel telah mendapati terdapat kehadiran virus penyakit *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI). Kes tersebut telah dikenakan tindakan perundangan di bawah seksyen 14, Akta Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, di mana syarikat berkenaan telah dikenakan kompaun sebanyak RM 16,000.00 dan produk ayam sejuk beku tersebut telah dilucuthakan dan dilupuskan dengan kaedah tanam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, mana-mana konsainan yang telah dilucuthakkan akan dilupus dengan kaedah tanam atau bakar untuk mengelakkan pengimportan produk hasil pertanian dan agromakanan yang dikhuatiri berpenyakit atau berperosak serta berpotensi menjejaskan dan mengganggu gugat industri pertanian negara. Selain itu, bagi komoditi daging sejukbeku yang didapati diimport tanpa Sijil Kesihatan Veterinar atau Sijil Halal yang sah akan dilupuskan dengan kaedah serahan kepada Zoo atau badan – badan yang bersesuaian untuk dijadikan makanan kepada haiwan liar.

Sekian, terima kasih.